

TEKS UCAPAN
DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA PROGRAM DIALOG BAJET 2016
PADA 13 JUN 2015 (SABTU)
DI THE LIGHT HOTEL, SEBERANG JAYA

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO)
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa
Kerajaan Tempatan, Pengurusan
Lalu Lintas dan Tebatan Banjir

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Wakil-wakil Agensi Kerajaan dan Swasta, NGO, PWDC, JKKK, KRT, Bridged Wanita

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati Sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada hari ini untuk berkumpul di dalam Program Dialog Bajet MPSP 2016. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat meluangkan masa untuk hadir ke Program Dialog Bajet MPSP 2016 pada pagi ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Tahun ini adalah tahun keempat MPSP mengadakan Program Dialog Bajet bersama komuniti. Program dialog bajet ini adalah bertujuan untuk melibatkan wakil komuniti serta penduduk Seberang Perai dalam merangka bajet 2016 dengan memberi input, pandangan dan cadangan bagi menambahbaik perkhidmatan MPSP. Untuk program pada pagi ini, MPSP telah menjemput wakil-wakil daripada JKKK, Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk, Dewan-Dewan Perniagaan, Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan, Briged-Briged Wanita dan Agensi-Agenzi Kerajaan Lain.

Objektif Program Dialog Bajet 2016 juga adalah bagi menggalakkan penyertaan komuniti dalam program dan tadbir urus MPSP, mendapatkan input, pandangan dan cadangan komuniti dalam merangka Bajet 2016, mengenalpasti pendekatan pelaksanaan perkhidmatan dengan sumber yang terhad dan menentukan peranan komuniti dalam meningkatkan perkhidmatan MPSP kepada warga Seberang Perai.

Dialog Bajet 2016 merupakan platform untuk berinteraksi secara langsung dengan penduduk. Antaranya menerusi dialog ini, MPSP akan mendapat

pandangan sekaligus dapat menjalin kerjasama dengan penduduk setempat dalam menangani isu-isu perbandaran seperti penjaja, kebersihan, perumahan, pencemaran alam sekitar, keselamatan dan lalulintas, penguatkuasaan, isu-isu banjir dan lain-lain isu perbandaran dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Pada 29 April hingga 31 Mei 2015 yang lalu, MPSP telah menjalankan Soal Selidik Bajet Tahun 2016 yang berlandaskan *Gender Responsive Participatory Budgeting (GRPB)*. Soal selidik bajet ini bertujuan untuk mendapatkan input dan pandangan daripada masyarakat terhadap perkhidmatan MPSP. Soal selidik ini juga menyentuh berkenaan aspek gender iaitu keperluan yang berbeza dari kumpulan yang berbeza (*different needs of different people*). MPSP akan mengarusperdanakan isu gender dalam pentadbiran, perancangan serta pembangunan di Seberang Perai. Ini bagi memastikan keperluan golongan-golongan tertentu mengikut jantina, peringkat usia, kelainan upaya serta wanita mengandung diberikan penekanan dan keutamaan.

Soal Selidik Bajet 2016 telah disediakan dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris supaya komuniti pelbagai bangsa boleh memahami soal selidik tersebut dan turut mengambil bahagian. Soal selidik kali ini telah dijalankan di kawasan-kawasan terpilih di seluruh Seberang Perai seperti di pasaraya-pasaraya besar, kawasan-kawasan awam serta program-program anjuran MPSP. Selain itu, soal selidik ini juga disediakan secara online bagi memudahkan warga Seberang Perai memberikan pandangan. Soal selidik ini juga telah diedarkan kepada semua Ahli Majlis MPSP di kawasan masing-masing bagi membolehkan masyarakat setempat turut serta dalam soal selidik kali ini. Maklumat dan hasil daripada soal selidik yang telah dijalankan adalah seperti berikut :

PERKARA	2014	2015	2016
Tempoh Kajian Soal Selidik Bajet	15 Jun – 1 Julai 2013	15 April - 18 Mei 2014	29 April - 31 Mei 2015
Jumlah Responden	205 orang	918 orang	3,312 orang
Secara Online	63 orang	114 orang	161 orang
Edaran Borang	142 orang	804 orang	3,151 orang
Responden Lelaki	58%	48%	50%
Responden Perempuan	42%	52%	50%

MPSP juga mengumpul data-data berkaitan peringkat umur responden dan tempat tinggal. Data-data ini perlu dalam membuat perancangan dan mengenalpasti keperluan mengikut peringkat umur serta perkhidmatan akan lebih mudah difokuskan kepada kawasan-kawasan yang tertentu.

Secara keseluruhannya, daripada soal selidik bajet 2014 hingga 2016 yang telah dijalankan, maklumbalas daripada responden ke atas perkhidmatan keseluruhan MPSP menunjukkan peningkatan iaitu daripada **68% tahap kepuasan** pada tahun 2014 kepada **89% tahap kepuasan** untuk soal selidik bajet tahun 2016.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Seberang Perai mempunyai potensi yang besar bagi menampung arus pembangunan yang semakin pesat yang berlaku di Pulau Pinang secara amnya. MPSP amat komited dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada warga Seberang Perai. Namun, setiap perancangan MPSP akan sedikit terjejas sekiranya penduduk Seberang Perai tidak memainkan peranan masing-masing dan tidak bersedia untuk melakukan perubahan ke arah persekitaran yang lebih

baik dan lebih kondusif. MPSP memperuntukkan bajet yang besar setiap tahun bagi melaksanakan dan menangani isu-isu perbandaran seperti kebersihan, keselamatan, pengindahan, banjir dan sebagainya.

Kos mengurus Pihak Berkuasa Tempatan boleh dikurangkan sekiranya mendapat kerjasama yang erat daripada warga Seberang Perai serta kesediaan berganding bahu menyelesaikan masalah setempat. Kos mengurus yang dapat dikurangkan ini dapat dimanfaatkan ke atas penyediaan kemudahan awam, infrastruktur, kawasan rekreasi, pembangunan kompleks penjaja dan sebagainya.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Di dalam Bajet 2015, MPSP memberikan penekanan ke atas tujuh (7) fokus perkhidmatan teras seperti berikut :

- a) Kebersihan sebanyak RM93.68 juta
- b) Keselamatan dan Lalulintas sebanyak RM16.61 juta
- c) Infrastruktur dan kemudahan awam sebanyak RM15.12 juta
- d) Kawalan banjir sebanyak RM8.09 juta
- e) Pengindahan dan kehijauan sebanyak RM4.08 juta
- f) Penguatkuasaan Undang-Undang sebanyak RM3.01 juta
- g) Penglibatan komuniti sebanyak RM2.33 juta

Berdasarkan jumlah peruntukan tersebut ianya menunjukkan komitmen MPSP dalam memberikan perkhidmatan yang efektif dan efisien serta kekal relevan bagi memenuhi kehendak *stakeholder*.

Komitmen MPSP juga diterjemahkan ke dalam Fokus MPSP 2015 yang merupakan pelan tindakan untuk dilaksanakan pada tahun 2015. Terdapat sembilan (9) fokus utama dengan 44 program telah digubal untuk dilaksanakan pada tahun ini yang akan menjadikan Seberang Perai lebih bersih, indah dan

selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan dan pelancongan pada tahun 2018. Sudah sampai masanya untuk MPSP bukan hanya menumpukan kepada kebersihan dan kutipan sampah sahaja tetapi berperanan dalam menarik pelaburan dalam dan luar negara ke kawasan Seberang Perai dalam usaha menambahkan pendapatan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

MPSP harus seiring dalam meneroka pembangunan untuk kemajuan sesuatu kawasan. MPSP telah berdepan dengan pelbagai cabaran antaranya dalam aspek ekonomi, sosial, teknologi dan alam sekitar. MPSP kini perlu matang dan dewasa dalam menghadapi masalah dan cabaran. Namun, MPSP juga amat memerlukan penglibatan aktif stakeholder bagi mencapai matlamat perkhidmatan perbandaran bertaraf antarabangsa. Tujuh (7) isu dikenal pasti menjadi cabaran utama kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti MPSP untuk ditangani iaitu :

- a) Meningkatkan kebersihan alam sekitar dan sistem pengurusan pelupusan sisa pepejal yang lebih efisien.
- b) Keperluan sistem berteknologi tinggi untuk menampung keperluan pelupusan sisa pepejal.
- c) Keperluan meningkatkan sistem saliran dan tebatan bagi mengatasi banjir yang kerap berlaku.
- (d) Merapatkan jurang ekonomi masyarakat.
- (e) Meningkatkan kemudahan premis perniagaan.
- (f) Mewujudkan kemudahan rekreasi.
- (g) Menambah baik proses penyampaian perkhidmatan.

Pengurusan alam sekitar yang sistematik juga merupakan satu elemen penting dalam kesejahteraan dan keselamatan di kawasan bandar mahupun luar bandar kepada masyarakat suatu kawasan. Tanggungjawab bagi memulihara alam

TEKS UCAPAN

sekitar memerlukan penglibatan dan komitmen semua pihak daripada peringkat Kerajaan, sektor swasta, pertubuhan, masyarakat dan juga individu. Ianya mesti dilakukan melalui pembentukan budaya dan penghayatan nilai mesra alam serta mewujudkan keadaan yang saling memerlukan di mana setiap pihak memainkan peranan masing-masing. Antara isu dan cabaran penjagaan alam sekitar adalah masalah pencemaran iaitu pencemaran air, udara dan bunyi. Selain itu, masalah yang lain adalah pelupusan bahan buangan, banjir kilat dan tanah runtuh.

Kesemua cabaran ini dapat diharungi dengan mudah sekiranya warga Seberang Perai memainkan peranan masing-masing serta mempunyai kesedaran dan tekad yang tinggi untuk mendapatkan kualiti kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan serta keinginan untuk mewariskannya kepada generasi akan datang.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Sebagai Yang Dipertua MPSP besarlah harapan saya agar penyertaan tuan-tuan dan puan-puan ke program ini, dapat bersama-sama dengan MPSP dalam merangka pelan tindakan bagi isu-isu yang disebutkan tadi untuk dimasukkan dalam perancangan Bajet 2016. Saya juga berharap agar peluang ini dimanfaatkan sebaik mungkin dengan memberikan idea-idea dan cadangan-cadangan yang praktikal untuk dilaksanakan supaya Seberang Perai menjadi sebuah kawasan perbandaran yang dinamik, kondusif dan progresif pada masa hadapan. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow yang akan merasmikan program ini dan semua yang sudi hadir pada hari ini.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillah Hitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.